

## **BAB 3**

### **KAEDAH KAJIAN**

#### **3.1 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji isu-isu berkaitan penggunaan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan Hospital UKM oleh pelajar Sarjana Muda Sains Perubatan tahun akhir di Fakulti Perubatan UKM. Penyelidik mengkaji enam persoalan penyelidikan iaitu sumber maklumat elektronik yang disediakan di Perpustakaan HUKM, kekerapan penggunaan sumber maklumat elektronik oleh pelajar, faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan dan bukan penggunaan sumber maklumat elektronik, sumber maklumat elektronik di perpustakaan HUKM yang paling kerap digunakan, kaedah pencarian maklumat pelajar apabila menggunakan sumber maklumat elektronik dan kepentingan sumber maklumat elektronik kepada pelajar.

Kajian ini dilakukan dalam bentuk kajian tinjauan yang menggunakan kaedah soalselidik dan temubual. Ia mendapatkan data statistik yang diperolehi daripada borang soalselidik yang diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan tahun tiga hingga lima pengajian yang berada di Fakulti Perubatan UKM. Manakala, temubual pula dilakukan dengan Ketua Perpustakaan Hospital UKM untuk mendapatkan maklumat dan data berkaitan sumber elektronik yang disediakan oleh Perpustakaan HUKM. Kesemua data dan maklumat daripada soalan soalselidik yang dikembalikan oleh pelajar dan temubual yang dijalankan dianalisa dan dinilai bagi mendapatkan keputusan yang menjawab persoalan kajian ini.

Secara umumnya, kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah soalselidik dengan menganalisa data statistik yang diperolehi daripada alat kajian iaitu

soalselidik dan temubual. Kaedah ini akan membantu mendapatkan keputusan yang menjawab beberapa persoalan kajian dan seterusnya mencapai objektif kajian.

### **3.2 Populasi dan Persampelan**

Menurut Fraenkel dan Wallen (2000), istilah populasi merujuk kepada semua ahli dalam kumpulan tertentu. Populasi adalah satu kumpulan yang hendak diselidik oleh penyelidik yang mana keputusan dan kesimpulan kajian akan diaplikasikan terhadap kumpulan tersebut. Populasi dalam kajian ini merujuk kepada semua pelajar yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan Fakulti Perubatan UKM yang berada di tahun tiga hingga lima pengajian.

Di Fakulti Perubatan UKM terdapat seramai 517 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan yang berada di tahun tiga hingga lima. Jumlah itu merangkumi 170 pelajar tahun tiga, 176 pelajar tahun empat, 171 pelajar tahun lima. Senarai pelajar yang mengikuti pengajian di tahun akhir diperolehi oleh penyelidik daripada Fakulti Perubatan UKM.

Kaedah persampelan rawak mudah telah digunakan oleh penyelidik memandangkan kaedah ini adalah yang paling sesuai dengan jumlah populasi yang dinyatakan. Setiap ahli dalam populasi juga berpotensi untuk diambil sebagai sampel. Penyelidik telah memilih 50 % iaitu sebanyak 259 orang daripada keseluruhan populasi sebagai sampel kerana batasan masa yang dihadapi oleh penyelidik untuk mengedarkan borang soal selidik. Penyelidik telah memilih sebanyak 50% daripada setiap tahun pengajian iaitu sebanyak 85 pelajar daripada tahun tiga, 88 pelajar daripada tahun empat, dan 86 pelajar daripada tahun lima. Setelah itu, penyelidik memilih nombor genap bermula daripada nombor 2, 4, 6, 8 .... daripada senarai pelajar tahun tiga dan lima yang

diperolehi penyelidik. Penyelidik mengedarkan borang soal selidik kepada semua pelajar tersebut dan segala jawapan serta data yang diperolehi dianalisa oleh penyelidik bagi menjawab persoalan penyelidikan seterusnya mencapai objektif kajian.

### **3.3 Alat Penyelidikan**

Borang soal selidik (Lampiran 1) adalah alat pengukuran yang digunakan dalam kajian ini. Satu set soalan yang mengandungi 4 bahagian utama yang meliputi bahagian A (Maklumat Peribadi Pelajar), bahagian B ( Kaedah Pencarian Maklumat), bahagian C (Peranan Sumber elektronik) dan bahagian D ( Penggunaan Sumber elektronik) diedarkan kepada sampel kajian untuk dijawab mengikut tempoh masa yang ditetapkan iaitu 10 hari.

Bahagian A meliputi butiran asas peribadi pelajar yang merangkumi 8 soalan iaitu jantina, bangsa, umur, tahun pengajian, asal, lokasi kediaman sekarang, dan pelajar membuat penyelidikan atau tidak. Soalan ini dibuat bertujuan untuk mendapatkan butiran peribadi pelajar bagi penganalisaan dan perbandingan dalam kajian.

Bahagian B pula terdiri daripada 8 soalan tertutup. Soalan dalam bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan dan objektif kajian iaitu untuk mengenalpasti penggunaan, faktor penggunaan dan bukan penggunaan, dan sumber elektronik yang paling utama digunakan.

Bahagian C pula meliputi 4 soalan tertutup bagi menjawab persoalan penyelidikan yang mengenalpasti kaedah pencarian maklumat yang digunakan oleh pelajar. Manakala, bahagian D pula merangkumi 4 soalan tertutup yang bertujuan untuk mengenalpasti kepentingan sumber maklumat kepada pelajar dan 2 soalan terbuka yang bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas berkaitan sumber elektronik yang paling penting bagi mereka

serta mendapatkan pandangan pelajar tentang cara mempertingkatkan perkhidmatan sumber elektronik.

Manakala, satu borang soalselidik dan temubual (Lampiran 2) berkaitan sumber elektronik yang disediakan di Perpustakaan HUKM juga diberikan kepada Ketua Perpustakaan HUKM bagi mendapatkan maklumat berkaitan sumber elektronik yang disediakan oleh perpustakaan HUKM.

Soalan soal-selidik yang dikemukakan meliputi tiga bentuk soalan iaitu soalan berbentuk tertutup, soalan berbentuk terbuka dan soalan berdasarkan pilihan jawapan pada skala Likert.

Satu temubual telah dibuat antara penyelidik dengan Ketua Pustakawan pada 12 Januari 2004 untuk mendapatkan maklumat tentang sumber elektronik yang terdapat di Perpustakaan HUKM. Beberapa maklumat telah diperolehi dan ianya dapat menjawab persoalan pertama iaitu untuk mengenalpasti sumber elektronik yang disediakan di Perpustakaan HUKM.

### **3.4 Ujian Rintis**

Satu ujian rintis dilakukan bagi mendapatkan maklumbalas terhadap soalselidik yang disediakan. Ia dilakukan bagi memastikan soalselidik yang disediakan dapat menepati kehendak kajian. Seramai 5 orang pelajar yang mengunjungi perpustakaan telah dipilih untuk menjawab soalan soalselidik dalam ujian rintis tersebut. Mereka juga diminta untuk memberikan pendapat dan maklumbalas tentang soalan-soalan yang terdapat dalam set soalan soal selidik supaya penyelidik dapat membuat perubahan dan

pembetulan bagi membolehkan penyelidik menyediakan soalan soal-selidik yang tepat dan memenuhi objektif kajian.

### **3.5 Pengumpulan dan Penganalisaan Data**

Borang soalselidik diedarkan terus kepada pelajar di Fakulti Perubatan UKM dan di Perpustakaan HUKM. Responden diberi peluang menjawab soalan yang dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan Setelah itu, data statistik daripada borang soalselidik yang diedarkan kepada responden dikumpul untuk dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS 10.1 (Statistikkal Package for Social Science ).

### **3.6 Kesimpulan**

Bab ini menerangkan tentang kaedah yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini. Rekabentuk kajian ini adalah menggunakan kajian tinjauan yang menggunakan kaedah soalselidik dan temubual. Manakala, populasi kajian ini adalah meliputi pelajar Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan yang berada di tahun tiga hingga lima. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak mudah. Alat penyelidikan yang digunakan adalah soal selidik yang mengandungi 4 bahagian utama dan juga temubual dengan ketua Perpustakaan HUKM. Satu ujian rintis juga dilaksanakan sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden. Ujian rintis itu bertujuan mewujudkan soalan soal selidik yang tepat dan memenuhi kajian. Penyelidik juga menggunakan perisian SPSS 10.1 untuk menganalisa data statistik daripada borang soal selidik yang diperolehi daripada responden yang bertujuan untuk mendapatkan keputusan kajian.